

28 SEP 2002

DR MAHATHIR AKAN LAWAT KEMBAR MALAYSIA: AKHBAR SAUDI

DUBAI, 28 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual melawat kembar Siam Malaysia Muhammad dan Ahmad Rosli di Pusat Perubatan King Abdul Aziz di Riyadh apabila beliau melakukan lawatan ke Arab Saudi bulan depan, menurut laporan sebuah akhbar Saudi.

Duta Malaysia ke Arab Saudi Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad memberitahu akhbar berbahasa Inggeris "Arab News" bahawa Dr Mahathir juga akan bertemu pasukan perubatan Saudi yang diketuai Dr Abdullah Al Rabeeah, yang telah berjaya memisahkan kembar yang bercantum itu pada 18 Sept.

Duta itu turut melahirkan penghargaan kepada jasa baik Putera Mahkota Abdullah Bin Abdul Aziz yang telah mengarahkan pihak berkuasa menyediakan semua keperluan bagi memisahkan kembar itu di Arab Saudi.

Keadaan adik beradik kembar berumur empat setengah tahun itu telah semakin baik dan mereka telah mula bercakap, akhbar itu melaporkan.

Dalam lawatan beliau yang dijadual pada Oktober ke Arab Saudi, Dr Mahathir akan diiringi delegasi besar terdiri pegawai kanan kerajaan dan ahli perniagaan, menurut akhbar itu.

-- BERNAMA

SKH AFY RHM